

20 JAMADILAWAL 1439H

SUBUH	6.06
SYURUK	7.25
ZOHOR	1.28
ASAR	4.48
MAGHRIB	7.28
ISYAK	8.39

IKUTI PERKEMBANGAN BERITA SEMASA DALAM NEGERI DI WWW.YOUTUBE.COM/MELAKATV



BAJET 2018 MELAKA MOHON 3 PERKARA
221 views



KEM KECEWA BASIKAL PELANCONG DICURI
177 views



KERAJAAN TEGAS, BERKESAN, DISUKAI RAKYAT

JUMAAT 9 FEBRUARI 2018 / 20 JAMADILAWAL 1439H PP11922/03/2013(03) RM1.50



MELAKA MAJU FASA II
754

Don't mess with Melaka.

BERKAT TEPAT CEPAT

www.mhi.com.my

PERDANA Menteri, Datuk Seri Utama Mohd Najib Tun Razak beramah mesra dengan Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Utama Ir. Idris Haron dan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Zambry Abd. Kadir ketika menghadiri hari kedua Mesyuarat Ke-248 Majlis Raja-Raja di Istana Negara, semalam.

Siasat status AGM salah sebuah parti pembangkang

ROS mulakan siasatan

JABATAN Pendaftaran Pertubuhan (ROS) telah memulakan siasatan terhadap Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) berhubung status Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) parti itu yang mendapat bantahan anggota parti pembangkang berkenaan. Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, memandangkan siasatan itu memerlukan penelitian dokumen yang akan mengambil sedikit masa, ROS telah diminta mempertingkatkan siasatan tersebut.

BN Parlimen Kota Melaka siap sedia

7

Lebih 866,000 kunjungi muzium Melaka

5

3 SJKC DUN Rim terima angpau & limau Mandarin

2



YANG di-Pertuan Agong, Sultan Muhammad V beramah mesra bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Mohd Najib Tun Razak serta Yang di-Pertua Negeri Melaka, Tun Dr. Mohd Khalil Yaakob di Istana Negara, semalam.



MOHD Najib berkata sesuatu dengan Mohd Khalil ketika tiba menghadiri mesyuarat itu.

Agong di hari kedua Mesyuarat Majlis Raja-Raja

KUALA LUMPUR 8 Feb. - Yang di-Pertuan Agong, Sultan Muhammad V hari ini berangkat menghadiri hari kedua Mesyuarat Ke-248 Majlis Raja-Raja di Istana Negara di sini.

Seri Paduka diiringi Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Mohd Najib Tun Razak.

Mesyuarat itu, yang bermula semalam, di-

pengerusikan Yang Di-pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Almarhum Tuanku Munawir.

Turut berangkat hadir ialah semua Raja-Raja Melayu kecuali Pahang dan Johor.

Pahang diwakili Pemangku Raja Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah manakala Johor diwa-

kili Tunku Temenggong Johor, Tunku Idris Iskandar Sultan Ibrahim.

Pada mesyuarat itu, Raja-Raja Melayu diiringi menteri besar masing-masing manakala Yang Di-pertua Negeri Pulau Pinang, Sarawak, Sabah dan Melaka diiringi oleh ketua menteri masing-masing. - BERNAMA



YANG di-Pertuan Agong, Sultan Muhammad V bersama Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Almarhum Tuanku Munawir serta barisan Raja-Raja Melayu ketika memasuki ruang Istana Negara.



KELIHATAN Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Ir. Idris Haron berkata sesuatu dengan Mohd Khalil dalam mesyuarat tersebut.

3 SJKC DUN Rim terima angpau

Oleh **MUHAMMAD ZAIDEE DAUT**

RIM 8 Feb. - Kira-kira 200 murid dari tiga buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) Rim terima sumbangan limau Mandarin dan angpau.

Sumbangan itu adalah daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (A-DUN) Kawasan Rim, Datuk Wira Ghazale Muhammad.

Menurut Ghazale, penyampaian sumbangan itu merupakan aktiviti tahunan Japerun DUN Rim sejak lima tahun lalu.

Katanya, ia sebagai tanda ingatan ucapan beliau bersama warga Japerun Rim meraikan sambutan Tahun Baru Cina (TBC) bersama guru dan murid sekolah.

"DUN Rim punyai lima SJKC dan pada hari ini, saya mengadakan lawatan di tiga sekolah iaitu SJKC Pay Chuin, SJKC Parit Keliling dan SJKC Simpang Bekoh.

"Manakala esok (Jumaat) saya akan mengadakan lawatan ke SJKC Yu Hsein Kemendor," katanya.

Jelasnya, selain mengadakan lawatan di sekolah, beliau bersama warga kerja Japerun

DUN Rim turut mengadakan lawatan ke Pusat Jagaan Orang Tua Berkat (En Fu Care) di Jasin dan melawat 16 warga emas di sana.

"Menjadi harapan saya agar seluruh masyarakat Tionghua di negeri ini khususnya dalam DUN Rim dapat menyambut sambutan TBC dengan meriah bersama rakan-rakan dan saudara mara.

"Saya berharap perayaan TBC ini akan menjadi pemangkin bagi mengeratkan lagi perpaduan dengan amalan budaya kunjung mengunjung ke rumah sahabat handai," katanya.



GHAZALE menyampaikan limau Mandarin dan angpau kepada salah seorang guru SJKC Parit Keliling.

Siasat status AGM salah sebuah parti pembangkang **ROS mulakan siasatan**

PUTRAJAYA 8 Feb. - Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS) telah memulakan siasatan terhadap Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) berhubung status Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) parti itu yang mendapat bantahan anggota parti pembangkang berkenaan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, memandangkan siasatan itu memerlukan penelitian dokumen yang akan mengambil sedikit masa, ROS telah diminta mempertingkatkan siasatan tersebut.

"Kita telah meminta ROS bukan sekadar memulakan siasatan tetapi dapat mempertingkatkan siasatan dan penuh aduan-aduan berkenaan," katanya pada sidang media selepas perhimpunan bulanan Kementerian Dalam Negeri (KDN) di sini, hari ini.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Dalam Negeri mengulas gesaan anggota-anggota PPBM yang mahu ROS mempercepatkan siasatan dan mengambil tindakan kerana mereka



AHMAD Zahid bergambar kenangan bersama warga KDN, semalam.

mendakwa AGM pada Disember lepas tidak sah dan melanggar peraturan perlembagaan parti.

PPBM mengadakan AGM pertama mereka pada 30 Dis lepas.

Semalam, bekas exco Angkatan Bersatu Anak Muda (Armada) PPBM Pusat, Mohamad Taufik Abas berkata, 1,999 anggota parti itu akan berhimpun di Ibu Pejabat ROS sebagai tanda protes sekiranya masih tiada sebarang tindakan diambil terhadap parti itu dalam tempoh dua minggu.

Semasa ditanya sama ada ROS boleh menyiapkan siasatan itu dalam

tempoh dua minggu, Ahmad Zahid berkata: "Terpulanglah kepada mereka. Saya tidak pernah terlibat dalam aktiviti pengoperasian mereka (ROS)."

Sebelum ini, Ahmad Zahid dilaporkan berkata ROS sedang meneliti 249 aduan yang dikemukakan anggota PPBM di seluruh negara terutama berkaitan dakwaan pelanggaran perlembagaan parti itu.

Siasatan awal ROS mendapati 47 daripada keseluruhan aduan berkenaan mempunyai percanggahan dengan perlembagaan dan peraturan parti.

Pada sidang media itu, Ahmad Zahid mem-

bidas turut dakwaan Pakatan Harapan bahawa pengubahan undang-undang baharu bagi mengekang berita palsu adalah untuk "menutup kebenaran".

"Penggubalan undang-undang baharu tidak sama sekali untuk menutup sebarang kebenaran," tegasnya.

"Semasa Pilihan Raya Umum Ke-13, dakwaan tentang 40,000 rakyat Bangladesh dibawa masuk ke Malaysia bukanlah berita palsu? Itulah 'kebenaran' yang mereka mahu paparkan lagi?"

"Berita palsu akan ada dalam strategi kempen saat-saat akhir...itu saya



AHMAD Zahid ketika menyempurnakan gimik pelancaran Manual dan Sistem Pemprofilan Rekrutmen (SPIER) dalam majlis itu.

pasti," katanya semasa mengulas kenyataan Pengurus Pakatan Harapan, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang meminta supaya undang-undang itu tidak digunakan untuk menutup kebenaran.

Pada majlis perhimpunan hari ini, Ahmad Zahid melancarkan Sistem Pemprofilan Rekrutmen (SPIER) KDN di mana ia dibangunkan untuk mengenal pasti calon pengambilan yang mampu memenuhi kriteria terutama dari segi personaliti, integriti, kesihatan mental, kompetensi dan patriotisme.

SPIER akan digunakan untuk pengambilan

kakitangan KDN khususnya bagi penguat kuasa, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Imigresen.

SPIER merupakan tiga sistem ujian psikometrik secara berkomputer dan boleh digunakan dalam proses pembangunan kendiri pegawai.

SPIER bagi Jabatan Penjara Malaysia, Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) sedang dibangunkan dan akan digunakan sepenuhnya menjelang 2019. - BERNAM

Sekitar Forum Urban Dunia (WUF9) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC)



KETUA Menteri, Datuk Seri Utama Idris Haron bersama Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah Mohamed Sadique ketika melawat sekitar kawasan pameran WUF9 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), semalam.



IDRIS bersama Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar dan Ketua Menteri Sabah, Tan Sri Musa Aman ketika memasuki ruang KLCC.



IDRIS ketika mengadakan perbincangan dengan Presiden 100 Resilient Cities, Michael Berkowitz.



IDRIS menyampaikan baju Don't mess with Melaka kepada Michael Berkowitz selepas selesai perbincangan antara kedua-dua pemimpin tersebut.

Koperasi yakin sumbang RM50 bilion

Oleh SHAZZUAN SHAH MOHD SALEH, NUR ADLINA BADLI SHAH & NUR HASANAH BALQIS NORAZMAN

BUKIT KATIL 8 Feb. - Pengerusi Perbadanan Usahawan Nasional berhad (PUNB), Tan Sri Mohd Ali Rustam yakin koperasi dapat mencapai sasaran menyumbang RM50 bilion kepada

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara menjelang 2020 berbanding sasaran RM39.46 bilion, hari ini.

Mohd Ali berkata, keyakinan itu bersandarkan prestasi cemerlang sektor tersebut yang menyumbang RM35 bilion dalam KDNK 2014.

Katanya, gerakan koperasi dilihat terbukti

mampu menyumbang kepada penjana ekonomi negara dan menyediakan peluang-peluang perniagaan serta pekerjaan buat rakyat.

Beliau juga ingin melihat gerakan koperasi terus berkembang secara terancang lagi tersusun.

"Di Melaka, statistik oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia menunjukkan sebanyak 475 koperasi telah ditubuhkan hingga Jun 2017 melibatkan 165,617 ahli.

Jelasnya, jumlah koperasi di Melaka Tengah dan Bukit Katil telah menunjukkan peningkatan sebanyak 110 koperasi dengan jumlah ahli seramai 52,511 orang.

"Sektor koperasi dilihat miliki kekuatan untuk mengerak dan memacu pertumbuhan ekonomi serta mampu menangani sebarang isu semasa seperti inflasi dan kenaikan kos sara hidup.

"Sudah sampai ma-



PARA peserta yang hadir pada perasmian penutup Program Lestari Modal Insan Koperasi 2018 di Gold Coast International Resort, semalam.

sanya sektor koperasi lebih kreatif, berinovasi, menceburi bidang perniagaan secara berskala besar," katanya.

Mohd Ali berkata demikian semasa berucap pada perasmian penutup Program Lestari Modal Insan Koperasi 2018 anjuran Maktab Koperasi Malaysia di Gold Coast International Resort di sini, hari ini.

Program julung kali itu turut mendapat kerjasama Suruhanjaya Ko-

operasi Malaysia dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KP-DNKK).

Turut hadir, Ketua Pengarah Maktab Koperasi, Prof. Madya Datuk De. Abdul Rahman Abdul Razak Shaik.

Jelas Mohd Ali, ahli-ahli koperasi disaran supaya mengambil peluang menyertai 801 kursus latihan ditawarkan oleh Maktab Koperasi Malaysia (MKM).

"Peluang tersebut harus direbut oleh komuniti terbabit bagi meningkatkan keupayaan mereka dalam pelbagai bidang, sekali gus menyumbang kepada pembangunan sektor koperasi di negara ini.

"Setiap kursus latihan yang ditawarkan MKM selaras dengan usaha kerajaan Persekutuan melaksanakan transformasi dalam sektor koperasi negara," ujarnya.



ABDUL Rahman menyampaikan cenderamata kepada Mohd Ali.

MBC terima lawatan kerja DPMM

AYER KEROH 8 Feb. - Dewan Perniagaan Melayu Melaka (DPMM) akan menggunakan kaedah perkhidmatan yang digunakan pakai oleh Melaka Biotechnology Corporation (MBC) di tempat mereka sendiri.

Kaedah diperolehi itu adalah hasil lawatan delegasi DPMM ke MBC melibatkan seramai 50 ahlinya, baru-baru ini.

Pengerusi Dewanita DPMM, Azlifa Md. Idris berkata, tujuan lawatan itu bagi mengetahui dengan lebih lanjut mengenai perkembangan

MBC.

Menurutnya, selain itu lawatan juga bagi mendapatkan maklumat lanjut berkaitan perkhidmatan disediakan oleh pihak MBC.

"Di samping membolehkan Ahli Dewanita mendapatkan maklumat secara bersemuka bersama pegawai di MBC," katanya semasa lawatan itu.

Pada lawatan itu, MBC juga menawarkan perkhidmatan seperti ujian makmal dan perkhidmatan produk jenama

sendiri (OEM).

Azlifa berkata, melalui perkhidmatan OEM, MBC membantu usahawan menghasilkan produk dari segi pembungkusan, formulasi produk sehingga pengkomersilan produk.

"MBC juga miliki kepakaran untuk perkhidmatan konsultasi halal, GMP dan sebagainya," ujarnya.


Turut hadir dalam lawatan itu, Ketua Pegawai Eksekutif MBC, Badrul Hisham Badrudin.



BADRUL Hisham bergambar bersama ahli Dewanita DPMM di MBC, baru-baru ini.



8 Februari 2018
Majlis Perasmian Forum Bandar Sedunia Ke-6 oleh
YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak
di Dewan Plenary, KLCC



Peluang UMNO menang besar PRU-14

SEBAHAGIAN besar penganalisis politik menjangkakan Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) menyaksikan pertembungan hebat antara dua parti mewakili orang Melayu di Malaysia iaitu UMNO dan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM).

UMNO dipimpin Datuk Seri Utama Mohd Najib Tun Razak bertembung dengan PPBM dipimpin Tun Dr. Mahathir Mohamad, bekas Presiden UMNO selama 22 tahun. Pertembungan antara kedua-dua tokoh politik Melayu itu dilihat lebih sengit kerana PPBM dijangka melawan UMNO di kawasan-kawasan majoriti pengundi Melayu.

Menurut laporan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), jumlah pemilih ber

daftar sehingga 2017 adalah 14.6 juta orang meliputi 62.9 peratus Melayu, Cina (29.5 peratus), India (6.8 peratus) dan lain-lain 0.8 peratus di Semenanjung Malaysia.

Daripada 165 kerusi Parlimen di Semenanjung Malaysia, 114 kerusi adalah terdiri daripada majoriti pemilih Melayu, manakala 22 kerusi majoriti Cina dan 29 kerusi campuran. Keputusan PRU-13 menunjukkan pakatan pembangkang ketika itu disertai DAP, PKR dan Pas dapat menembusi 37 kerusi majoriti pemilih Melayu dan 21 kerusi campuran.

Persoalannya, apakah Pakatan Harapan (disertai DAP, PKR, PAN dan PPBM) dapat mempertahankan

kerusi-kerusi dimenangi mereka dalam PRU-14 tanpa sokongan Pas?

Meskipun PRU-13 diadakan ketika Najib baharu genap empat tahun menjadi Perdana Menteri, beliau berjaya membawa kejayaan kepada UMNO malah menjamin Barisan Nasional (BN) membentuk kerajaan. Kepemimpinan Najib membawa kejayaan besar kepada UMNO kerana parti keramat Melayu itu berjaya menambah kerusi Parlimen daripada 79 pada PRU-12 kepada 88 (PRU-13). Malah merampas kembali Kedah daripada pakatan pembangkang.

Keputusan PRU-13 jelas menunjukkan DAP bekerjasama dengan parti politik Melayu khususnya Pas semata-

mata untuk memperoleh undi Melayu. Menyedari motif politik DAP tersebut, Pas kini sudah memutuskan kerjasama politik (tahaluf siyasi) dengan DAP. Malah, kepimpinan dan penyokong PKR juga mula sedar terhadap niat sebenar DAP dalam terus menjalinkan kerjasama politik.

Apapun, tidak dapat dinafikan kemenangan BN dalam PRU-13 banyak ditunjangi oleh kemenangan besar kerusi dimenangi calon UMNO. Malah peningkatan sokongan pengundi Melayu terhadap UMNO yang dianggarkan mencecah 70 peratus, juga dikatakan menyebabkan memenangi 89 kerusi daripada 117 kerusi yang bertanding.

Lebih 866,000 kunjungi muzium Melaka

Oleh LIANA SAHABUDIN & NUR HASANAH BALQIS NORAZMAN

BANDA HILIR 8 Feb. - Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM) akan menjadi tuan rumah sempena Hari Muzium Peringkat Kebangsaan tahun ini.

Program menghimpunkan kira-kira 800 rakan-rakan muzium seluruh negara itu akan berlangsung pada 7 hingga 13 Mei depan.

Pengurus Besar PERZIM, Datuk Khamis Abas berkata, ia turut melibatkan rakan muzium dari Singapura, Aceh, Palembang dan Pekanbaru dari negara seberang itu untuk meraikan sambutan berkenaan memandangkan Melaka kali ke-3 menjadi tuan rumah.

Menurutnya, terdapat 45 gerai pameran sepanjang sambutan itu selain aktiviti-aktiviti harian seperti sukan bersama masyarakat, aktiviti keagamaan dan sebagainya.

"Sehingga kini, terdapat lebih 20 muzium di Melaka yang bernaung di bawah Persatuan Muzium Malaysia.

"Mengikut rekod, kita mendapat hampir lapan juta pelawat ke muzium sama ada berbayar atau tidak.

"PERZIM menduduki tempat kedua dengan jumlah pelawat keseluruhan sebanyak 866,000 di mana yang berbayar sebanyak 765,000 pelawat," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Perasmian Pameran Faizal Sidik-Catan Songket di Balai Seni Lukis di sini, semalam.

Majlis itu disempurnakan Timbalan Pengerusi PERZIM, Datuk Wira Hamdin Abdollah.

Jelas Khamis, tahun ini PERZIM menyoal peningkatan sehingga 8.5 juta pelancong akan mengunjungi muzium-muzium di Melaka yang bernaung di bawah persatu-



HAMDIN semasa merasmikan Pameran Faizal Sidik-Catan Songket di Balai Seni Lukis, Rabu lalu.

an itu.

"Kewujudan muzium-muzium ini bagi mendekati anak-anak muda supaya mereka berminat untuk datang ke muzium selain memperkukuhkan jati diri dan mengenali sejarah-sejarah negeri atau negara kita," katanya.

Pada masa sama, Khamis berkata, pameran solo itu merupakan elemen baharu ditonjolkan berbanding pameran-pameran solo sebelum ini.

"Kali ini, kita bawa

elemen songket untuk diperkenalkan kepada orang ramai, ini satu pameran unik dan berbeza di mana pelukis memamerkan 50 koleksi seni berupa catan bermotif songket, area dan lukisan.

"Catan songket beliau dihasilkan sejak 2010 hingga 2016 yang merupakan seni tekstil tradisi Melayu terkenal di seluruh Malaysia menggunakan elemen geometrik dalam menghasilkan corak," katanya.



FAIZAL menerangkan kepada Hamdin dan Khamis mengenai karya seni dihasilkan.



ANTARA karya seni yang dipamerkan.



ANTARA pengunjung yang sempat melihat karya seni songket yang dipamerkan.

Pekan Jasin disinari cahaya tanglung sempena TBC

Oleh MUHAMMAD ZAIDEE DAUT

JASIN 8 Feb. – Pemasangan lampu dan penyalan tanglung di sekitar jalan utama di Bandar Jasin merupakan permulaan sambutan Tahun Baru Cina (TBC) yang akan dirayakan oleh kaum Tionghua tidak lama lagi.

Majlis pelancaran penyalan lampu tanglung itu disempurnakan Ahli Parlimen Jasin, Datuk Seri Ahmad Hamzah dan turut dihadiri Ketua MCA Bahagian Jasin, Datuk Koh Chin Han; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Rim, Datuk Wira Ghazale Muhammad dan ADUN Bemban, Datuk Ng Choon Koon.

Menurut Ghazale, program itu diharap akan menjadi simbolik ke arah pemantapan perpaduan antara kaum yang selama ini terjalin dengan baik dan ianya harus dikekalkan.

“Saya berharap kemeriahan perayaan TBC tahun ini akan menyuntik satu semangat perpaduan lebih jitu demi kemakmu-

ran dan kesejahteraan negeri dan negara di masa depan.

“Banyak telah kita lalui bersama, sebagai rakyat pelbagai kaum dan agama, perayaan TBC ini memberi kita tahun yang penuh kebahagiaan.

“Selain kesihatan yang baik serta kemak-

muran dirasai di samping ahli keluarga dan orang tersayang,” katanya yang juga Timbalan Exco Pelancongan, Pembangunan Pantai, Sungai dan Pulau-Pulau.

Sementara itu, Ahmad, Choon Koon dan Chin Han turut mengucapkan Selamat Tahun

Baharu Cina kepada seluruh masyarakat Tionghua dan berharap kemeriahannya turut dirasai seluruh rakyat negeri ini khususnya di daerah Jasin.

Selain majlis pelancaran lampu tanglung di Bandar Jasin, Ghazale dan Choon Koon turut men-

adakan kunjungan kepada masyarakat Tionghua di Kampung Baru Air Manggis dan menyampaikan limau Mandarin serta angpau buat penduduk.

Bagi Choon Koon pula, selain memberi angpau, beliau turut berharap semua masyarakat Tionghua terutama mereka

yang berada di luar Melaka supaya dapat pulang ke kampung menziarahi sanak saudara sempena TBC kali ini.

“Paling penting semangat kekeluargaan yang perlu diperkukuhkan dan disemai agar perayaan ini penuh bermakna buat semua,” katanya.



CHOON Koon beramah mesra bersama Ghazale di Kampung Baru Air Manggis.



GHAZALE menyantuni penduduk menikmati hidangan jamuan makan malam.

Motivasi UTeM berkongsi ilmu

Oleh ROSLAN MOHAMAD

AYER KEROH 8 Feb. - Pengisian Karnival Pendidikan Tinggi Negara 2018 (KPTN-2018), baru-baru ini dimeriahkan dengan slot ceramah motivasi oleh Dr. Norliah Kudus.

Norliah selaku Pensyarah Kanan dan Perunding Motivasi dari Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah memberikan motivasi itu pada hari pertama dan kedua.

Norliah ketika ditemui berkata, perkongsian inspirasi pada hari pertama bertajuk ‘Angkasa Diri : Jom Masuk U’ bersama 600 pelajar dari Melaka, Negeri Sembilan dan Johor.

Katanya, pada hari kedua, beliau berkongsi inspirasi bertajuk ‘Refleksi Kejayaan : Jom Masuk IPT’ bersama 1,000 peserta dalam kalangan pelajar sekolah, guru kaunselor, pelajar politeknik, kolej komuniti dan ibu bapa.

KPTN2018 telah dianjurkan UTeM selama dua hari melibatkan kerjasama Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) pada 3 dan 4 Februari lalu.

Karnival tersebut telah berlangsung di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), di sini.

Majlis perasmianya telah disempurnakan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh.

Turut hadir, Ketua Men-

teri, Datuk Seri Utama Ir. Idris Haron; Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib dan Naib Canselor dari semua universiti awam dan swasta & pegawai kanan Kementerian Pendidikan Tinggi dan penganjuran tertinggi UTeM.

Tahniah kepada UTeM kerana dipilih sebagai tuan rumah penganjur dan Majlis Perasmian KPTN2018 bagi penganjur pertama di MITC.

Program ke 16 Zon di seti-

ap negeri seluruh Malaysia itu bermula pada Februari hingga Mac 2018.

Karnival Pendidikan Tinggi Negara 2018 merupakan Signature Programme Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

Ianya bertujuan mempromosi dan menyebarkan maklumat mengenai peluang pendidikan tinggi yang ditawarkan oleh Universiti Awam (UA), Politeknik, Kolej Komuniti, Institusi Latihan Kemahiran (ILKA), IPTS dan institusi-institusi lain.

Penyertaan KPTN2018 ini berjaya menarik hampir 10,000 pengunjung terdiri para pelajar, guru-guru, ibu bapa dan masyarakat setempat dari seluruh negara.

Pelbagai pengisian dari semua universiti awam dan swasta seluruh negara telah diadakan.

Ia termasuk booth pameran, taklimat UPU Online, slot motivasi, slot produk inovasi dan demo produk, slot penaajaan PPTN dan sembang santai.



NORLIAH ketika berkongsi inspirasi kejayaan bersama pelajar sekolah pada KPTN2018 di MITC, baru-baru ini.

PRU-14 :

BN Parlimen Kota Melaka siap sedia

Oleh **AZHAR YUSOF**

KAMPUNG LAPAN 8 Feb. - Semangat berpasukan diamal-kan kerajaan Barisan Nasional (BN) menjadi kunci utama kejayaan kepimpinan negeri dan negara dalam menyatupadukan masyarakat berbilang bangsa.

Pengerusi BN Parlimen Kota Melaka, Datuk Seri Latiff Tamby Chik berkata, sikap keterbukaan pemimpin BN juga turut menjadi penyumbang kepada keharmonian hidup rakyat terutama dalam Parlimen Kota Melaka.

Katanya, melalui gerak kerja semua jentera parti, BN Parlimen Kota Melaka telah bersiap sedia memastikan semua kerusi BN akan terus dipertahankan dan cuba sedaya upaya merampas semula kerusi dimenangi pembangkang sebelum ini pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) nanti.

"Jangan beri ruang kepada pembangkang berterusan menad-tadbir di beberapa kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN)

yang dimenangi mereka sebelum ini.

"Ini kerana tidak ada apa-apa pun kemajuan serta pembangunan yang mereka laksanakan," jelasnya.

Latiff yang juga Pengerusi Japerun DUN Kota Laksamana berkata demikian pada Majlis Penyerahan Sumbangan sempena Tahun Baru Cina (TBC) anjuran myPPP negeri di Pusat Khidmat BN & myPPP DUN Kota Laksamana di sini, semalam.

Hadir sama, Pengerusi Japerun Kesidang, Senator Datuk Abidullah Salleh; Pengerusi myPPP negeri merangkap Pengarah Pusat Khidmat BN & myPPP DUN Kota Laksamana, Datuk Chih Tiang Chai; Bakal Calon BN Parlimen Kota Melaka, Eric Choo serta pemimpin masyarakat sekitar DUN Kota Laksamana.

Pada majlis itu, seramai 100 penduduk sekitar DUN Kota Laksamana menerima baucar bantuan TBC.



PENERIMA sumbangan bergambar bersama Latiff, Abidullah, Tiang Chai serta jemputan.



SEBAHAGIAN penerima sumbangan yang hadir di Pusat Khidmat BN & myPPP DUN Kota Laksamana di Kampung Lapan, Rabu lalu.

Pensyarah UTeM dilantik hakim & pakar negara

Oleh **ROSLAN MOHAMAD**

DURIAN TUNGGAL 8 Feb. - Tiga pensyarah Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) telah diberi penghormatan atas kepakaran mereka setelah dilantik sebagai hakim dan pakar negara.

Ketiga-tiga mereka merupakan pensyarah dari Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) yang diktiraf keparannya.

Kesemua mereka diiktiraf dalam sebarang pertandingan berlatarbelakang kemahiran yang diadakan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Pemilihan itu diputuskan dalam mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pemilihan Hakim dan Pakar Negara tersebut telah melantik Zuliman Maksom bagi bidang Graphic Design Technology, Yahya Ibrahim dalam bidang IT Software

for Business Solution dan Shahril Parumo bagi bidang Web Design.

Pemangku Dekan FTMK, Prof. Dr. Mohammad Ishak Desa berkata, kejayaan pensyarah FTMK menyatakan pelantikan itu atas beberapa kriteria yang berjaya memenuhi permintaan Jabatan Pem-

angunan Kemahiran, Kementrian Sumber Manusia.

Katanya, dengan pelantikan tersebut beliau berharap para pensyarah yang dipilih dapat menjalankan tanggungjawab dengan cemerlang bagi memartabatkan Sistem Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional

(TVET) Malaysia.

Pelantikan tersebut dijangka akan membuka lebih banyak peluang kepada ahli akademik UTeM.

Jelasnya, ianya supaya lebih menyerlah di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dalam merealisasikan matlamat UTeM menjadi universiti

teknikal terkemuka di Malaysia khususnya dan dunia amnya.

Kumpulan pensyarah dilantik sebagai hakim dan pakar negara itu diperlukan dalam pelbagai pertandingan kemahiran yang bakal diadakan.

Ianya seperti *WorldSkills Malaysia* Belia (WS-

MB), *WorldSkills Malaysia* Pengajar (WSMP), *WorldSkills Competition* (WSC).

Sementara yang berlangsung tidak lama lagi adalah *ASEAN Skills Competition* (ASC) yang bakal diadakan di Bangkok, Thailand bermula 26 Ogos hingga 4 September nanti.



MOHAMMAD Ishak (tengah) meraikan pelantikan ahli akademik UTeM sebagai Hakim dan Pakar Negara.



ZAIDI menunjukkan pelan dan lakaran surau bertaraf masjid yang bakal dibina di DUN Serkam.



MASJID Jamek Ar-Rahman kini siap sepenuhnya bakal dirasmikan Mohd Khalil dan Idris pada 2 Mac depan.

Laungan azan Masjid Ar-Rahman bergema 1 Mac

SERKAM 8 Feb.- Setelah dua tahun proses pembangunan, akhirnya masjid kebanggaan warga Dewan Undangan Negeri (DUN) Serkam iaitu Masjid Jamek Ar-Rahman siap sepenuhnya.

Hanya tinggal dalam proses sentuhan terakhir pemasangan permaidani, laungan azan pertama Masjid Jamek Ar-Rahman bakal bergema pada petang 1 Mac depan.

Sementara pada 2 Mac pula, Masjid Jamek Ar-Rahman terletak di Pulau itu akan dirasmikan oleh Yang di-Per-tua Negeri, Tun Dr. Mohd Khalil Yaakob bersama Ketua Men-

teri, Datuk Seri Utama Ir. Idris Haron.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Serkam, Datuk Zaidi Attan berkata, masjid yang menelan belanja kira-kira RM4.46 juta itu mula dibina penghujung tahun 2016.

Katanya, dana pembinaan masjid itu adalah peruntukan dari Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Mohd Najib Tun Razak dan juga sumbangan warga DUN Serkam.

Jelasnya, masjid yang boleh menampung hingga 1,500 jemaah itu kini siap sepenuhnya, ketika ini pihak kontraktor dengan diselia jabatan

serta agensi terlibat sedang dalam proses akhir melengkapkan bahagian dalaman.

Ujarnya, ini termasuk permaidani bagi majlis perasmian yang akan disempurnakan Mohd Khalil.

Ujarnya, satu majlis khas akan diadakan sempena pembukaan masjid tersebut iaitu majlis sambutan diadakan selama tiga hari tiga malam bermula petang 1 Mac 2018.

Sementara itu, katanya, majlis kenduri rakyat dan majlis keagamaan lain di masjid tersebut akan diadakan pada 3 Mac 2018.

Zaidi berkata, mengenai

pembangunan masjid-masjid dalam DUN Serkam, sebuah lagi masjid baharu yang telah siap dan digunakan adalah Masjid Baru Kampung Tedong.

Menurutnya, Masjid Baru Kampung Tedong mula dibina pada penghujung 2014 sebelum siap pada 2016, masjid tersebut boleh memuatkan kira-kira 1,200 jemaah dengan kos pembinaan sebanyak RM4.4 juta.

Katanya, dalam konteks membaik pulih masjid pula, Masjid Lama Kampung Sempang berusia 150 tahun telah dibaik pulih.

"Ianya diberi sentuhan pe-

nambahbaikan untuk jemaah lebih selesa dan kos keseluruhan membaiki masjid ini mencecah RM1.5 juta.

"Kerja-kerja membaik pulih masjid ini telah pun selesai pada pertengahan 2014 dan hingga hari ini tidak kurang dari 10 buah masjid dan surau telah dibaik pulih," katanya.

Justeru itu, Zaidi berharap warga DUN Serkam khususnya yang beragama Islam dapat menggunakan masjid ini dengan sebaik mungkin dengan memperbanyakkan lagi program-program ilmiah demi kemakmuran bersama.

Murid SK Cheng kurang mampu terima Bantuan Awal Persekolahan

CHENG 8 Feb. - Sebahagian murid kurang mampu dari Sekolah Kebangsaan (SK) Cheng menerima Bantuan Awal Persekolahan 2018 di sekolah itu di sini, semalam.

Bantuan diumumkan dalam bajet kerajaan itu dapat mengurangkan

beban ibu bapa murid menguruskan persekolahan anak mereka.

Majlis penyampaian sumbangan bantuan RM-100 setiap seorang itu telah disempurnakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Rumput, Datuk Sazali Muhd Din.

Sazali berkata, matlamat utama sumbangan itu bagi membantu murid kurang mampu membeli kelengkapan persekolahan mereka.

Menurutnya, para murid telah dipilih pihak sekolah yang dikenal pasti layak menerima bantuan

itu.

"Bantuan ini juga dapat memberi semangat kepada murid supaya belajar bersungguh-sungguh kerana kelengkapan sekolah dapat disediakan melalui sumbangan yang diterima," katanya.

Katanya, program itu telah memasuki tahun kesembilan di mana ia didapati berkesan dalam membantu ibu bapa menyediakan peralatan dan kelengkapan tambahan sekolah anak-anak.

Hadir sama pada

majlis itu, Guru Besar SK Cheng, Hazman Dolah; Guru Penolong Kanan Pentadbiran, Asnah Hamid; Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (HEM), Siti Aishah Rahman dan Guru Penolong Kanan Kokurikulum, Siti Zanariah Husain.



ANTARA murid yang menerima Bantuan Awal Persekolahan di SK Cheng, kelmarin.



SAZALI bergambar bersama ibu bapa yang hadir sempena Bantuan Awal Persekolahan SK Cheng.



MIMBAR MAIM

JUMAAT 9 FEBRUARI 2018 / 23 JAMADILAWAL 1439H

EDISI KHAS

MHI
MELAKA HARI INI

"Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana".
Surah Al-Taubah ayat 60.



ROSLAN bersama Othman melihat fenomena gerhana bulan menggunakan teleskop.



SEBAHAGIAN jemaah yang hadir tidak melepaskan peluang melihat fenomena berkenaan.

2,000 jemaah solat gerhana bulan penuh

BANDA HILIR - Seramai lebih 2,000 jemaah khususnya umat Islam di negeri telah menunaikan solat sunat gerhana bulan di Masjid Selat Melaka, di sini, baru-baru ini.

Program berkenaan merupakan anjuran bersama Jabatan Mufti negeri Melaka (JMNM) dan

Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) serta Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM).

Fenomena gerhana bulan penuh berkenaan telah berjaya menarik minat umat Islam untuk hadir menyaksikan sendiri bagaimana fenomena berkenaan berlaku.

Program berkenaan telah dimulakan dengan solat Maghrib dan juga sisipan ceramah yang disampaikan oleh pegawai takmir negeri Melaka, Datuk Abdul Rahim Khaliq Al-Hafiz.

Orang ramai turut tidak melepaskan peluang untuk menyaksikan den-

gan lebih dekat fenomena berkenaan yang mana kali terakhir fenomena ini berlaku adalah pada tahun 1866.

Turut meluangkan masa hadir menunaikan solat gerhana Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka (SUK), Datuk Wira Roslan Ibrahim dan Speaker

Dewan Undangan Negeri (DUN), Datuk Wira Othman Muhamad serta Mufti Kerajaan Negeri, Datuk Abdul Halim Tawil dan Pengarah JAIM, Md. Azhan Samat.

Dalam khutbah dan tazkirah yang disampaikan menjurus kepada mewujudkan nilai keinsafan dan

keampunan kepada Allah yang berkuasa sepenuhnya kepada alam semesta ini.

Ramai dalam kalangan umat Islam telah berpeluang melihat fenomena berkenaan menggunakan peralatan seperti binokular dan teleskop yang telah disediakan di sekitar masjid itu.

INSTITUT AL-QURAN SAYYIDINA ALI

JABATAN AGAMA ISLAM MELAKA

(PELAJAR LEPASAN SPM)



- Diploma Tahfiz Al-Quran & Qiraat •
- Diploma Tahfiz Al-Quran & Pengurusan Halal •



Borang Online:

www.mtqmsa.edu.my @ [facebook.com/iqsajaim](https://www.facebook.com/iqsajaim)

Dapatkan Borang Permohonan Di:

Pejabat Pentadbiran IQSA Institusi Al-Quran Sayyidina Ali, D/A Masjid Sayyidina Ali 75450 Bukit Katil Melaka

HUBUNGI: +606-231 4240 / +606-231 7725 www.mtqmsa.edu.my Institusi Al-Quran Sayyidina Ali mtqmsa@gmail.com

**ENAKMEN KESALAHAN SYARIAH NEGERI MELAKA 1991
BAHAGIAN PENGUATKUASAAN
JABATAN AGAMA ISLAM MELAKA
BIL. 3/2018**



**DATUK HJ. RAHIMIN BIN BANI
KETUA PENOLONG PENGARAH
BAHAGIAN PENGUATKUASAAN
JABATAN AGAMA
ISLAM MELAKA**

Tuntutan berpakaian sopan dan menutup aurat

DALAM masyarakat moden serba canggih kini, pakaian merupakan simbol ketamadunan sesuatu kaum atau bangsa. Oleh itu, kita haruslah menjaganya agar ketamadunan masyarakat khususnya masyarakat Melayu yang beragama Islam terpelihara. Mewujudkan peraturan berpakaian bukan satu perkara yang baharu. Banyak negara mewujudkan peraturan berpakaian demi menjaga "kesopanan awam" (public decency) walaupun peraturan yang dikuatkuasakan berdasarkan budaya masing-masing. Oleh kerana Malaysia adalah negara yang mempunyai Rukun Kesopanan dan Ketatasusilaan sebagai salah satu Rukun Negara, maka berpakaian yang sopan dan sesuai dengan tuntutan masyarakat timur hendaklah menjadi peraturan yang dihormati. Saran itu adalah wajar bukan sahaja kerana ia adalah salah satu adab masyarakat Islam malah juga adalah adab yang perlu dihormati dalam masyarakat timur.

Isu berkaitan gangguan seksual di negara ini sangat tinggi ada kebenarannya dan tidak dinafikan bahawa salah satu dorongan yang menyebabkan keganasan seksual ke atas wanita adalah juga disumbang oleh cara wanita berpakaian. Hujah mengatakan bahawa keganasan seksual ke atas wanita tidak ada kaitan dengan cara wanita berpakaian adalah tidak benar kerana selain soal keselamatan wanita yang terdedah kepada keganasan ia juga termasuk isu kesopanan yang sepatutnya dihormati ketika berada di khalayak awam.

Hal ini selaras dengan perintah dan seruan Allah S.W.T dalam surah an Nur

ayat 31 yang bermaksud: "Dan katakanlah kepada para perempuan yang beriman, agar mereka menjaga pandangan mereka, dan memelihara kemaluannya, dan janganlah menampakkan perhiasannya (auratnya), kecuali yang biasa terlihat".

Daripada Abu Hurairah r.a. berkata, sabda Rasulullah S.A.W yang bermaksud: "Ada dua golongan yang akan menjadi penghuni neraka yang belum lagi aku melihat mereka. Pertama: golongan (penguasa) yang mempunyai cemeti-cemeti bagaikan ekor lembu yang digunakan untuk memukul orang. Kedua: Perempuan yang berpakaian tetapi bertelanjang, berlenggang-lenggok semasa berjalan, menghayun-hayunkan bahu. Kepala mereka (sanggul di atas kepala mereka) bagaikan bonggol unta yang senget. Kedua-dua golongan ini tidak akan masuk syurga dan tidak akan dapat mencium bau wanginya. Sesungguhnya bau wangi syurga itu sudah tercium dari perjalanan yang sangat jauh daripadanya". (Hadith Riwayat Muslim)

Dalil-dalil tersebut jelas menunjukkan bahawa memakai pakaian yang sopan dan menutup aurat dengan sempurna adalah wajib dan sangat dituntut dalam Islam terutamanya golongan wanita. Seseorang wanita yang beragama Islam mestilah sentiasa memelihara dan menutupi seluruh tubuh badannya serta perhiasannya daripada pandangan orang asing (bukan mahram). Sempurna itu bermaksud pakaian yang tidak ketat, tidak jarang, tidak harum menarik perhatian, tidak gedik menggoda, tudung kepala dilabuhkan menutup dada dan dilengkap-

kan dengan akhlak mulia atau pakaian takwa.

Antara hikmah yang disarankan supaya berpakaian sopan dan menutup aurat dengan sempurna ialah supaya seseorang individu itu sentiasa dilindungi daripada fitnah manusia, jiwa semakin tenang serta tidak risau tentang hal dunia, dapat membezakan orang Islam dengan orang bukan Islam di samping merupakan salah satu medium dakwah secara langsung dengan masyarakat tanpa disedari iaitu dengan niat untuk berjihad kerana Allah Ta'ala.

Justeru, Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) di bawah Bahagian Penguatkuasaan sentiasa menjalankan kempen dan menguatkuasakan undang-undang di bawah Seksyen 71 Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991 bagi membendung perbuatan tidak sopan terutamanya berpakaian tidak sopan di tempat awam. Tindakan ini adalah bertujuan untuk memelihara masyarakat dan memartabatkan kaum wanita. Tindakan yang dilakukan ke atas umat Islam itu adalah selaras dengan undang-undang syariah sedia ada dan kempen menutup aurat serta etika berpakaian yang telah lama dilaksanakan di negeri ini. Hal ini demikian kerana amatlah penting bagi umat Islam terutamanya golongan wanita dalam memelihara kehormatan mereka dan ia adalah sebahagian daripada hukum syarak yang wajib dipatuhi. Berpakaian sopan atau menutup aurat juga adalah bagi mengelak sebarang kejadian buruk menimpa golongan wanita.

Umat Islam yang melakukan perbu-

atan, berkelakuan atau berpakaian tidak sopan di tempat awam yang bertentangan dengan hukum syarak boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 71 Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991 iaitu dikenakan denda maksimum RM 1,000 atau penjara sehingga enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Berdasarkan statistik, kes perbuatan tidak sopan termasuk berpakaian tidak sopan di negeri ini menurun daripada 354 kes pada tahun 2015 berbanding 200 kes pada tahun 2016 dan 143 kes pada tahun lepas. Penurunan berkenaan adalah ekoran langkah pencegahan dan kempen yang giat dijalankan oleh pihak JAIM dan pihak berkuasa tempatan (PBT) secara berterusan termasuk pemasangan papan tanda pencegahan berkaitan perbuatan tidak sopan dan etika berpakaian di tempat awam. Papan tanda berkenaan turut menjadi peringatan kepada semua rakyat di negeri ini termasuk pelancong dari dalam dan luar negara yang berkunjung ke Melaka agar bersama-sama menjaga etika berpakaian supaya tidak menjolok mata dan menjaga sensitiviti masyarakat sekeliling.

Sehubungan dengan itu, masyarakat bukan Islam juga turut diminta mematuhi etika berpakaian di tempat awam kerana ia turut tertakluk di bawah beberapa undang-undang termasuk di bawah Seksyen 268 Kanun Keseksan iaitu satu kesalahan yang menyebabkan kegusaran am kepada orang awam dan ia juga tertakluk di bawah Rukun Negara yang kelima iaitu Kesopanan dan Kesusilaan agar masyarakat berbilang kaum dapat hidup dalam suasana aman dan harmoni.



AHLI Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan Asahan, Datuk Seri Abdul Ghafaar Atan menyampaikan hadiah kepada salah seorang peserta yang menyertai Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Daerah Alor Gajah yang telah diadakan di Masjid Salmah Khamis.

Membayar zakat untuk membela asnaf

HARTA seseorang muslim yang beriman itu akan berkembang biak, menjadi bersih dan mendatangkan ganjaran pahala yang banyak serta mendapat keberkatan rezeki daripada kurniaan Allah SWT apabila dilakukan dengan niat semata-mata kerana Allah SWT.

Umat Islam mestilah tidak lupa dan sedar serta insaf bahawa dengan menuaikan zakat, mereka pada hakikatnya telah membantu asnaf-asnaf zakat bagi meneruskan kehidupan mereka. Sebahagian mereka memerlukan bantuan agar dapat keluar daripada kesengsaraan hidup. Ada juga yang meminta bantuan untuk menyelamatkan keadaan semasa mereka. Ini termaktub dalam kitab Al-Quran di dalam Surah Al-Ma'arij ayat 24-25:

Yang bermaksud: "Dan mereka (yang menentukan bahagian) pada harta-hartanya, menjadi hakyang termaklum. Bagi orang miskin yang meminta dan orang mis-

kin yang menahan diri (daripada meminta)."

Golongan fakir dan miskin yang agak ramai di dalam negara ini memerlukan bantuan agar mereka dapat menjamin kesejahteraan dan keharmonian hidup mereka sekali gus mahu hidup seperti orang lain dan pandai berdikari mencari hasil pendapatannya sendiri. Di samping itu, pejuang fisabilillah, orang yang musafir, orang yang terhimpit dengan hutang puitang iaitu hutang atas kepentingan nafkah ahli keluarga dan kemaslahatan umat Islam serta guru-guru agama dibirkan elau tetap bulanan kepada mereka. Inilah usaha yang telah dilaksanakan oleh Majlis Agama Islam Negeri-Negeri bagi pembangunan diri dan sahsiah masyarakat Islam khususnya.

Zakat yang dikeluarkan dapat membela asnaf-asnaf dan menangani kesulitan yang dihadapi oleh mereka. Dengan zakat

ini juga, orang yang kurang berkemampuan dapat terus hidup sejajar dengan kehidupan semasa mereka. Sebagaimana sabda Rasulullah SAW dalam sebuah hadis: Daripada Abu Hurairah r.a., Rasulullah SAW bersabda: "Barang siapa yang berusaha melepaskan atau melapangkan sesuatu kesusahan kepada seorang Mukmin, maka Allah SWT akan melapangkan baginya daripada kesusahan di akhirat. Dan barang siapa yang berusaha meringankan kesukaran orang miskin, maka Allah SWT akan meringankan kesusahannya di dunia mahupun di akhirat. Dan barang siapa yang berusaha menutup aib orang Islam, maka Allah SWT akan menutup aibnya di dunia mahupun di akhirat, Allah SWT akan selalu membantu hamba-Nya selagi hamba-Nya menolong saudaranya". (Riwayat Muslim)

Oleh yang demikian, kita perlulah mengambil peranan yang penting dalam me-



(Datuk Hj. Ibrahim bin Hj. Fadzil)
Ketua Pegawai Eksekutif
Zakat Melaka
Anak Syarikat Majlis Agama
Islam Melaka.

laksanakan kewajipan zakat tersebut agar dapat menjamin kesejahteraan ummah sekali gus dapat meningkatkan taraf hidup masyarakat Islam ke arah pembangunan yang pesat serta mendapat keberkatan dan keredaan daripada Allah SWT. Semoga dengan apa yang kita berikan akan memberi ketenangan hidup di dunia mahupun di akhirat nanti. In Shaa Allah.

Sebarang pertanyaan, permasalahan dan pengiraan zakat bolehlah menghubungi di talian 06-2812441/42/43ZAKAT MELAKA atau melayari laman web www.izakat.com. Sekian Wassalam.



PEGAWAI Atase (Pendidikan Melaka), Masykuri Khamid bergambar bersama Pegawai Bahagian Latihan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Kedutaan Besar Malaysia Kaherah Mesir, Khairi Abdullah dan pelajar Melaka yang juga bakal Graduan Sains Kesihatan pada program Taklimat Pra Kerjaya yang telah diadakan di Wisma Seri Melaka baru-baru ini.

Laporkan kepada MAIM mereka yang dalam kesusahan.

Tel 06-2837416/06-2849809/
06-2868109/06-2881881/
06-2881877

Website www.maim.gov.my
facebook/maimmelaka

E-mail admin@maim.gov.my

Zakat diberkati, Asnaf disantuni





PENGARAH Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM), Md Azhan Samat bergambar bersama sebahagian pelajar cemerlang yang hadir pada Majlis Pengumuman Keputusan Peperiksaan Syahadah Ibtida'iah Arabaiah (SIA), Sijil Menengah Arab (SMA) dan sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) Peringkat Negeri Melaka baru-baru ini. Hadir sama pada program itu, Timbalan Pengarah Jabatan Pendidikan negeri Melaka (JPNM), Mohd. Rashid Mohd. Sidek dan Ketua Sektor Pendidikan Islam JPNM, Ahmad Hamizi Abu Hassan.



CERIA...Mufti Kerajaan Negeri, Datuk Abdul Halim Tawil menerima kunjungan Pegawai Seranta (FELDA) Jabatan Perdana Menteri (Negeri Melaka) baru-baru ini. Pelbagai perkara dapat dibincangkan bersama dalam merealisasikan agenda Melayu dan Islam yang mampu diperkasakan dalam memastikan dapat dimanfaatkan bersama umat Islam di negeri ini.



JASA DIKENANG...Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka (SUK), Datuk Wira Roslan Ibrahim bergambar bersama mantan SUK, Datuk Seri Naim Abu Bakar dan ahli lembaga pengarah Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) pada Majlis Makan Malam Sempena Persaraan Mantan Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka yang diadakan baru-baru ini. Turut hadir Timbalan Pengerusi MAIM, Datuk Wira Yaakub Md Amin dan Mufti Kerajaan Negeri, Datuk Abdul Halim Tawil.





ADUN Rim, Datuk Wira Ghazale Muhamad bergambar bersama selepas menyampaikan sumbangan di SJKC Pay Chuin, semalam.



ADUN Lendu, Datuk Amirudin Yusof bersama Pengerusi JKKK serta jabatan terlibat melawat rumah Noresah Mohd Yusof bagi membantu gantikan atap zink baharu di Ramuan China Kechil, Rabu lalu.



ADUN Kuala Linggi, Datuk Wira Ar. Ismail Othman hadir pada hari ke-2 Persidangan Forum Bandar Sedunia (WUF 9) Kuala Lumpur 2018 di KLCC, semalam.



ADUN Bemban, Datuk Ng Choon Koon bergambar selepas menyempurnakan Majlis Bantuan Awal Persekolahan 2018 di SMK Tan Sri Haji Abdul Aziz Tapa, semalam.

Susunan : Oleh LIANA SAHABUDIN Sumber : FACEBOOK / Suntingan Grafik : ZUL RAHIMI RAMLI



KETUA UMNO Bahagian Bukit Katil, Tan Sri Mohd Ali Rustam bergambar bersama selepas Pertandingan Boling Tertutup Cawangan UMNO Paya Redan di MIBC, baru-baru ini.



ADUN Klebang, Datuk Lim Ban Hong bergambar selepas bersama mesyuarat MCA Negeri Melaka yang pertama tahun 2018, baru-baru ini.



ADUN Rembia, Datuk Wira Norpipah Abdol menyampaikan kad raya dan limau Mandarin kepada masyarakat Tonghua di Taman Seri Sutera Fasa 2 Seri Pengkalan, kelmarin.



ADUN Gadek, Datuk M.S. Mahadevan mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa MIC Cawangan Paya Rumput di Balai Raya Paya Rumput, kelmarin.



ADUN Paya Rumpit, Datuk Sazali Muhd Din hadir pada Majlis Perasmian dan Penyampaian Bantuan Khas Awal Persekolahan 2018 di SK Bertam Ulu, Rabu lalu.



ADUN Serkam, Datuk Zaidi Attan mengadakan perjumpaan bersama Guru Besar SK Sempang di Kompleks Japerun Serkam, semalam.



ADUN Merlimau, Datuk Roslan Ahmad menghadiri Majlis Penyerahan Bantuan Khas Awal Persekolahan 2018 di SK Chinchin, Rabu lalu.



AHLI Parlimen Jasin, Datuk Seri Ahmad Hamzah bergambar bersama selepas merasmikan Majlis Menyalakan Tanglung TBC di Merlimau, baru-baru ini.

Giliran Sofi Jikan pula ditahan

SOFI ditahan ekoran laporan polis dibuat Farid yang menamakan pelakon lelaki itu sebagai dalang.

ADAKAH pelakon hebat Sofi Jikan akan mendapat sokongan ramai lantaran turut ditahan ekoran positif ganja sama seperti sokongan padu diterima Datuk Farid Kamil ketika ditahan atas kesalahan sama, bulan lalu?

Sofi Jikan ditahan beberapa hari lepas. Dia ditahan sekitar jam 11 malam Selasa lalu semasa hadir ke Balai Polis Mutiara Damansara.

Iaitu selepas dipanggil polis untuk memberi keterangan berhubung laporan polis dibuat Farid menamakan Sofi merupakan seorang dari tiga rakannya yang dipercayai memasukkan dadah dalam minuman Farid.

Difahamkan, semasa memberi keterangan berhubung laporan polis dibuat Farid, Sofi kemudian ditahan dan ujian saringan air kencing terhadapnya positif dadah jenis ganja.

Disebabkan itu, pada pagi Rabu lalu, dia telah dibawa ke mahkamah

bagi mendapatkan perintah tahanan reman atas kesalahan itu.

Semasa hadir ke mahkamah, pemilik nama sebenar Mohamad Shoffi Jikan kelihatan mengenakan pakaian lokap berwarna jingga dengan kawalan anggota polis.

Selain itu, Sofi turut menutup mukannya bagi mengelak wajahnya dari pandangan umum.

Persoalan sekarang, adakah Sofi akan mendapat simpati dari rakan-rakan artis lain sama seperti simpati diperolehi Farid.

Adakah Sofi akan turut mendapat kata-kata semangat dan rangsangan positif dari rakan-rakan artis lain sama seperti diterima Farid?

Adakah Sofi akan turut mendapat kata-kata semangat sejourus dibebaskan kelak sama seperti apa yang dinikmati Farid?

Kita tunggu dan lihat.



Berus baju sendiri!!!

OZLYNN muat naik video Johan berus baju tarik perhatian ramai.



JIKA anda ikuti laman sosial Instagram Ozlynn Wati iaitu isteri kepada pelawak Johan, pasti anda akan menyedari satu video terkini yang dimuat naik Ozlynn.

Video itu adalah video Johan sedang membasuh baju dengan cara memberus sendiri baju-baju khususnya berwarna putih menggunakan tangan. Hadir bersama video menarik itu adalah keterangan Ozlynn mengapa Johan memberus sendiri baju-baju itu dan tidak menggunakan mesin basuh.

Menerusi keterangan dibuat Ozlynn, dia bukanlah membiarkan suaminya membasuh pakaian dengan kaedah memberus tanpa menggunakan mesin basuh.

Tetapi katanya, dia dan suami sebenarnya bersama-sama melakukan kerja rumah.



"Jangan buat andaian aku buli laki, memang dari zaman takde mesin basuh sampai sekarang macam-macam mesin ada di rumah, apa-apa baju putih memang kami berus guna tangan, lebih puas sebab bersih.

"Kami buat kerja rumah sama-sama dan anak-anak pun buat kerja rumah sama-sama," tulis Ozlynn di mana keterangan itu mendapat sehingga 508,247 tanda suka atau 'likes' dari pengikut Ozlynn dan Johan.



Bersyukur bertambah nikmat

SIDANG JEMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN

Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru sidang Jumaat yang dikasihi sekalian, marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya.

Manusia adalah makhluk yang dimuliakan oleh Allah SWT dengan kejadiannya. Dengan pengurniaan berupa akal fikiran dan juga nafsu, manusia menghadapi cabaran untuk mempertimbangkan setiap perkara dan menentukannya dalam radar kerediaan Allah SWT ataupun sebaliknya. Justeru, dalam melaksanakan semua tindak tanduk tersebut, kita sangat memerlukan pertolongan antara satu sama lain di samping tunjuk pandu hidayah Allah SWT.

Keperluan kepada bantuan orang lain merupakan sunnatullah yang dapat memeriahkan pengimaran bumi ini dengan pelbagai warna-warna kehidupan berteraskan landskap kestabilan politik, kemakmuran ekonomi dan kesejahteraan sosial rakyat dengan sulaman kemajuan bangsa yang menjadi keunikan negara ini. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam surah al Hujurat ayat 13: *Maksudnya: "Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan suku puak, supaya kamu saling berkenalan. Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang paling takwa di antaramu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya."*

Keharmonian sebuah masyarakat itu sangat penting untuk dibangunkan. Namun kita tidak menafikan bahawa mewujudkan kesatuan dan perpaduan dalam sebuah negara berbilang agama dan budaya merupakan suatu perkara yang mencabar. Ada sesetengah negara yang mempunyai masyarakat majmuk telah melaksanakan konsep asimilasi sepenuhnya untuk

membentuk atau malah memaksakan sebuah identiti kebangsaan tunggal.

Sebaliknya, negara ini telah memilih jalan yang berbeza dengan mengangkat perpaduan dalam kepelbagaian dan kerangkuman (inklusif) dan kesaksamaan sebagai asas utama. Namun, kepelbagaian ini perlu diurus dengan hikmah dan kebijaksanaan supaya kerangkuman dan perpaduan yang lebih jitu itu dapat direalisasikan.

Marilah kita berganding bahu, bersama-sama membantu negara melestarikan pembangunan fizikal bagi membangunkan sebuah bandar yang ceria; persekitaran indah dan bersih; kemudahan tempat tinggal yang teratur, terancang, kondusif dan selamat; serta sistem pengangkutan yang sistematik seterusnya membangunkan sumber manusia yang produktif dan terus berkembang dan dimanfaatkan ke tahap paling maksimum.

SIDANG JUMAAAT YANG DIRAHMATI ALLAH

Segala nikmat keceriaan yang dicapai hari ini adalah datangnya daripada sifat syukur yang ikhlas oleh seseorang kepada negara yang tercinta. Hakikatnya, kesyukuran terhadap pelbagai nikmat yang Allah kumiakan merupakan adanya bukti kejujuran neraca pertimbangan di dalam hati manusia. Lantaran itu, sesuatu yang baik disyukuri kerana kesyukuran merupakan suatu balasan yang tabie mengikut fitrah yang lurus.

Selain itu, hati yang bersyukur kepada Allah menjadi bukti betapa dekatnya seseorang itu dengan Allah SWT. Kesannya, mereka enggan mengotorkan hatinya dengan sifat sombong terhadap orang lain dan tidak akan menggunakan nikmat tersebut bagi tujuan yang tidak baik seperti menindas, tindakan yang kotor dan merosakkan. Ini sekali gus mendorong manusia melakukan amalan soleh. Dengan itu, dapatlah nikmat itu disuburkan dan bertambah keberkatannya. Firman Allah SWT dalam Surah Ibrahim ayat 7: *Maksudnya: "Dan ingatlah tatkala Tuhanmu memberitahu: Sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku tam-*

bahi nikmat-Ku kepadamu, dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azab-Ku amatlah keras."

Untuk menjana nilai tambah sifat syukur ini, khatib ingin memberi penekanan kepada beberapa perkara sebagai garis panduan untuk kita penuhi sebagai pelengkap warga madani. Pertama, mempunyai pemikiran yang bertamadun. Pemikiran bertamadun bermaksud kita hendaklah mempunyai pemikiran positif yang seiring dengan kemajuan dan pembangunan fizikal yang sedang dikecapi. Justeru, kita wajib mengelakkan diri daripada bersikap dengki, prejudis dan berprasangka buruk kepada orang lain yang menyalahi ketamadunan agama dan bangsa.

Kedua, mempunyai semangat kebersamaan yang tinggi. Kita perlu sedar bahawa membina warga masyarakat yang saling bekerjasama dan bersatu-padu bukanlah suatu perkara yang mudah. Walaupun banyak usaha dan inisiatif yang dimainkan oleh agensi kerajaan dalam mengadakan kempen perpaduan dan menyemai sikap bantu membantu, namun sekiranya masyarakat tidak berubah, masih bersikap dangkal, mengadu domba, dendam kesumat dan lain-lain sifat mazmumah, nescaya kita masih belum mencapai hasrat yang diimpikan. Firman Allah SWT dalam Surah al Maidah ayat 2: *Maksudnya: "Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk*

membuat kebajikan dan bertakwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertakwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksa-Nya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya)."

Dan ciri yang ketiga, meningkatkan penghayatan Islam dalam kehidupan. Dalam memenuhi ciri ini, kita dituntut untuk sentiasa beriltizam dalam melaksanakan segala amalan agama merangkumi segenap aspek dan lapangan seiring dengan kehendak syariat.

SIDANG JUMAAAT YANG DIRAHMATI ALLAH

Tuntasnya, ketiga-tiga ciri tersebut dapat meneguhkan jati diri golongan yang bersyukur dalam mendepani sebarang cabaran ke arah sebuah negara yang baik. Mengakhiri khutbah pada hari ini, dapat disimpulkan tiga intipati penting yang harus diberi perhatian iaitu:

Pertama: Kita memerlukan pertolongan antara satu sama lain di samping tunjuk pandu hidayah Allah SWT sebagai satu ummah yang sederhana dan progresif.

Kedua: Kesyukuran menambahkan nikmat dan mengekalkan keceriaan rakyat dan negara.

Ketiga: Rakyat dan pemimpin hendaklah sentiasa bekerjasama dalam usaha mengekalkan keceriaan dan kesejahteraan negara.



"Sesungguhnya Allah dan Malaikat-Nya bersalawat kepada Nabi; wahai orang yang beriman, bersalawallah kamu kepadanya serta mahanakanlah kesejahteraan dengan sepenuh penghormatan" - surah al-Ahzab ayat 56.



Pengawas SRA JAIM TTU perlu cemerlang & berdisiplin

AYER KEROH 8 Feb. - Pengawas sekolah perlu mendisiplinkan diri sebelum berbuat demikian kepada pelajar lain supaya imej dimiliki dapat pengaruhi pelajar terbabit akur dengan peraturan ditetapkan pihak sekolah.

Guru Besar Sekolah Rendah Agama (SRA) JAIM Taman Tasik Utama (TTU) Kamariah Ismail berkata, pengawas juga perlu mementingkan imej diri dan menunjukkan teladan baik kepada pelajar lain.

Menurutnya, mereka juga diingatkan supaya tidak berat sebelah dalam tugas harian kerana jika bersikap pilih kasih, pengawas terbabit tidak akan dihormati, malah diperkeleleh oleh rakan-rakan sendiri.

"Mereka juga harus serius dan bersikap positif semasa menjalankan tugas



KAMARIAH menyampaikan sijil kepada salah seorang pengawas SRA JAIM TTU.

dengan penuh dedikasi demi menjaga imej dan nama baik sekolah," katanya.

Kamariah berkata demikian ketika berucap di Majlis Penyampaian Wati-kah Pelantikan Pengawas, Ketua Darjah dan Penolong Ketua Darjah 2018

SRA JAIM TTU sesi 2018, semalam.

Sementara itu, Guru Pengawas sekolah terbabit, Norlizah Karim berkata, pelajar yang dilantik sebagai pengawas perlu sentiasa peka terhadap apa yang berlaku dan mem-



PELAJAR-pelajar lain yang tidak dilantik menjadi pemimpin pelajar turut hadir dalam program tersebut.

berikan cadangan kepada guru besar atau guru disiplin untuk mengatasi masalah yang timbul.

Jelasnya, para pengawas juga perlu menjadi mata dan telinga bagi mengenali pasti pelajar yang punyai masalah

disiplin dan cuba sedaya upaya mengubah sikap mereka.

"Pengawas juga perlu memastikan diri sendiri mencapai prestasi cemerlang dalam akademik, ko-kurikulum, sahsiah dan disiplin yang menambah

penghargaan rakan.

"Mereka boleh memainkan peranan dalam mempengaruhi rakan lain supaya lebih berdisiplin dan memberikan teguran membina sekiranya didapati melakukan kesalahan," ujarnya.

PERISYTIHARAN JUALAN LELONG

DALAM PEJABAT DAERAH DAN TANAH MELAKA TENGAH, MELAKA
DALAM NEGERI MELAKA, MALAYSIA
RUJ:0401AUC2017000162

Dalam perkara mengenai Seksyen 263 Kanun Tanah Negara 1965
Dan
Dalam perkara mengenai Gadaian perserahan No. 0401SC2014006946 didaftarkan pada 04.09.2014 ke atas hartanah hakmilik GMM 966, Lot 2514 Mukim Telok Mas, Daerah Melaka Tengah, Negeri Melaka.

ANTARA

MAYBANK ISLAMIC BERHAD (No Syarikat 787435-M)

...PEMEGANG GADAIAN

DAN

HAMZAH BIN ABDUL HAMID (NO K/P: 600111-71-5383)

... PENGGADAI

PADA MENURUT PERINTAH PENTADBIR TANAH DAERAH MELAKA TENGAH bertarikh pada 20.12.2017 ADALAH DENGAN INI DIISYTIHARKAN bahawa hartanah tak alih yang tersebut dibawah AKAN DIJUAL SECARA LELONGAN AWAM oleh Pentadbir Tanah Daerah Melaka Tengah atau wakilnya yang diberi kuasa dengan dibantu oleh Pelelong Berlesen yang tersebut dibawah:

AKAN MENJUAL SECARA

LELONGAN AWAM

PADA HARI JUMAAT, 23HB FEBRUARI 2018 PADA JAM 10.00 PAGI
BERTEMPAT DIPEJABAT DAERAH DAN TANAH MELAKA TENGAH, BANGUNAN WISMA NEGERI, JALAN WISMA NEGERI, KOMPLEKS MITC, 75450 MELAKA
HARGA RIZAB :405,000.00

BUTIR-BUTIR HAKMILIK:-

No. Hakmilik	: GMM 966
No. Lot	: Lot 2514
Mukim/Daerah/ Negeri	: Telok Mas/Melaka Tengah /Melaka
Keluasan Tanah	: 445 meter persegi (4,790 kaki persegi)
Cukai Tahunan	: RM21.00
Pegangan	: Selama-lamanya
Kategori Kegunaan Tanah	: Bangunan
Pemilik Berdaftar	: HAMZAH BIN ABDUL HAMID - 1/1 bahagian
Syarat-Nyata	: Untuk rumah kediaman sahaja
Sekatan Kepentingan	: Tiada dinyatakan
Bebanan	: Dicagarkan kepada Maybank Islamic Berhad melalui Perserahan No 0401SC2014006946 didaftarkan pada 4.09.2014

LOKASI DAN PERIHAL HARTANAH:

Hartanah ini yang dikenali sebagai sebuah Rumah Berasingan (bungalow) Dua Tingkat dibawah sekatan tanah adat Melaka (Malacca Customary Land) yang beralamat di NO. 2514-1, JALAN TAMBAK GELAM, TELOK MAS, 75460 MELAKA.

CARA MENAWAR :

Sesiapa yang berminat untuk membuat tawaran mestilah menandatangani 10% dari Harga Rizab bersamaan RM40,500.00 (Empat Puluh Ribu Lima Ratus Sahaja) dalam bentuk bank deraf di atas nama MAYBANK ISLAMIC BERHAD dengan menyerahkan kepada Pentadbir Tanah Daerah Melaka Tengah sebelum jam 9.30 pagi pada hari lelongan awam.

1. Baki dari harga belian hendaklah dibayar dalam tempoh Satu Ratus Dua Puluh (120) hari dari tarikh Jualan kepada MAYBANK ISLAMIC BERHAD dan tiada lanjutan tempoh masa dibenarkan.

2. Sekiranya harga belian tidak dibayar sepenuhnya dalam masa yang ditetapkan, deposit akan dilucutkan dan dilupuskan mengikut peruntukan Seksyen 267, Kanun Tanah Negara (KTN)

NOTA: Sesiapa yang berminat untuk membeli hartanah ini adalah dinasihatkan supaya membuat carian Hakmilik secara rasmi di Pejabat Tanah Daerah dan Tanah berkaitan dan memeriksa hartanah tersebut sebelum tarikh lelongan dijalankan.

Untuk Butir-Butir selanjutnya, sila berhubung:

1. NAMA PELELONG: AZIZ BIN DAHALAN (019-2516044)
SYARIKAT PELELONG: PANGKAL SEARAH SDN BHD (278244U)
Lot 4.54, Kompleks Desa Kepong
Batu 8, Kepong, 52100 Kuala Lumpur
Rujuk: PS 1016/18
Tel: 019-251 6044, Faks: 03-62770166

2. FIRMA GUAMAN: FATIMAH ZAHRAH & CO

Peguambela & Peguamcara,
Alamat: No. 29 & 29A, Jalan Timah Sari, Kampung Kenangan Dato Onn, 83000 Batu Pahat Johor.
No Tel: 07-4349888 Fax: 07-4338000
No Ruj: FZ/MBB/RAQM/480/11/16

PERISYTIHARAN JUALAN LELONG

DALAM PEJABAT DAERAH DAN TANAH MELAKA TENGAH,
DALAM NEGERI MELAKA, MALAYSIA
RUJ. PTMT: 0401AUC2017000173

Dalam perkara mengenai Seksyen 263, Kanun Tanah Negara, 1965

DAN

Dalam perkara mengenai Gadaian Perserahan No. 66/2010 dan 67/2010 bertarikh 08/01/2010 ke atas kesemua tanah yang di pegang dan dikenali sebagai hakmilik PM 326, Lot 2577, Mukim Bertam, Daerah Melaka Tengah, Negeri Melaka.

ANTARA

UNITED OVERSEAS BANK (MALAYSIA) BHD

... Pemegang Gadaian

DAN

1. CHAN CHEE CHIEN

... Penggadai

2. CHAN CHEE WAI

PADA MENURUT PERINTAH PENTADBIR TANAH DAERAH MELAKA TENGAH bertarikh 12/09/2017 ADALAH DENGAN INI DIISYTIHARKAN bahawa hartanah tak alih yang tersebut dibawah AKAN DIJUAL SECARA LELONGAN AWAM oleh Pentadbir Tanah Daerah Melaka Tengah atau wakilnya yang diberi kuasa dengan dibantu oleh Pelelong Berlesen yang tersebut di bawah ini :

TARIKH LELONG

: 02HB MAC. 2018 (JUMAAT)

MASA

: 10.00 PAGI

TEMPAT

: DI PERKARANGAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH

MELAKA TENGAH ARAS BAWAH,

BANGUNAN WISMA NEGERI

MITC, AYER KEROH, MELAKA.

HARGA RIZAB

: RM200,000.00

BUTIR-BUTIR HARTANAH

No. Hakmilik	: PM 326
No. Lot	: Lot 2577
Mukim/Daerah/Negeri	: Bertam /Melaka Tengah/Melaka
Keluasan Tanah	: 143 Meter Persegi (1,539 Kaki Persegi)
Cukai Tahunan	: RM48.00 Setahun
Kegunaan Tanah	: Bangunan
Pegangan	: Pajak selama 99 tahun dan akan tamat pada 19/04/2100
Pemilik Berdaftar	: 1. Chan Chee Chien 2. Chan Chee Wai

Syarat-syarat Nyata

Sekatan Kepentingan

: Untuk Rumah Kediaman Sahaja

: Kod BB

Tanah ini tidak boleh di pindahmilik atau dipajak kecuali dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri. Sekatan ini dikecualikan kepada Pembeli pertama.

: Hartanah ini dicagarkan kepada United Overseas Bank (Malaysia) Bhd.

Beban

LOKASI DAN PERIHAL HARTANAH

Hartanah tersebut merupakan sebuah rumah teres 1 tingkat lot tengah telah disambung yang dikenali sebagai No. 42, Jalan GP 7, Taman Gadong Perdana, 75250 Melaka.

CARA MENAWAR

Sesiapa yang berminat untuk membuat tawaran mestilah menandatangani 10% dari Harga Rizab dalam bentuk bank deraf di atas nama "UOBM UNTUK CHAN CHEE CHIEN & CHAN CHEE WAI" dengan menyerahkan kepada Pentadbir Tanah Daerah Melaka Tengah yang berkenaan sebelum jam 9.30 pagi pada hari lelongan awam.

1. Baki dari harga belian hendaklah dibayar dalam tempoh Satu Ratus Dua Puluh (120) hari dari tarikh jualan kepada United Overseas Bank (Malaysia) Bhd melalui Sistem Pemindahan Elektronik, Masa Nyata bagi Dana dan Sekuriti (RENTAS) dan tiada lanjutan tempoh masa dibenarkan.

2. Sekiranya harga belian tidak dibayar sepenuhnya dalam masa yang ditetapkan, deposit akan dilucutkan dan dilupuskan mengikut peruntukan Seksyen 267, Kanun Tanah Negara (KTN).

Nota: "Sesiapa yang berminat untuk membeli hartanah ini adalah dinasihatkan supaya membuat semakan hakmilik secara rasmi di Pejabat Daerah dan Tanah berkaitan dan memeriksa hartanah berkenaan sebelum tarikh lelong"

Untuk butir-butir selanjutnya, sila berhubung dengan:-

Nama pelelong	: Mohd Nizam Bin Hj. Mohd Sharif	Firma Guaman	: Tetuan Chua & Partners
Syarikat Pelelong	: Eszani Auctioneer Sdn Bhd	Alamat	: 46-01, Jalan Molek 1/28, Taman Molek, 81100 Johor Bahru
Alamat	: No. 14, Tingkat 1, Jalan Dato' Lee Fong Yee		: Johor Darul Takzim.
	: 70000 Seremban, Negeri Sembilan.		: 07-3510510
No. Telefon	: 06-7629786 / 018-6639786	No. Telefon	: 07-3510511
No. Fax	: 06-7616986	No. Fax	: 07-3510511
No. Rujukan	: EZ/PTMT/UOB/056/2018/MNS-Mimi	No. Rujukan	: CPR/UOB (A) 1049/17/cyp

Hotel Tabung Haji Sepang beroperasi pertengahan tahun ini

PUTRAJAYA 8 Feb. — Hotel Tabung Haji Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA), Sepang akan mula beroperasi pertengahan tahun ini sebelum penerbangan pertama jemaah haji yang dijadualkan pada 13 Julai.

Pengarah Urusan Kumpulan Lembaga Tabung Haji (TH), Datuk Seri Johan Abdullah berkata, hotel bertaraf empat bintang itu pada asalnya merupakan Kompleks TH yang ditukar nama bagi menjana pendapatan berterusan.

“Kos mengendalikan kompleks haji agak tinggi, jadi kita jadikan hotel. Sebab itu sesetengah hotel TH tiada rating kerana ia adalah kompleks.

“Dengan populariti TH dan konsep patuh syariah, ramai orang yang ingin duduk, jadi konsep hotel ini lebih luas untuk dikomersialkan,” katanya pada sidang media selepas pengumuman hibah TH 2017, di sini semalam.

Beliau berkata, hotel sembilan tingkat itu mempunyai 333 bilik dan sebuah pusat konvensyen berkapasiti 1,500 orang.

Johan berkata, sebuah lagi hotel TH di Kuching yang berkapasiti kira-kira 200 bilik turut dijangka beroperasi pada tahun ini.

Mengulas prestasi kewangan TH, beliau berkata, pendapatan kasar sebanyak RM4.5 bilion yang dicatatkan TH pada tahun 2017 berbanding RM3.4 bilion pada tahun sebelumnya jelas menunjukkan TH berada pada landasan yang tepat.

“Keuntungan pelaburan atas aset ekuiti menjadi pen-yumbang terbesar kepada pendapatan TH iaitu sebanyak 53 peratus, diikuti aset pendapatan sebanyak 22 peratus. Ini sejajar dengan prestasi baik pasaran saham.

“Selain itu, aset hartanah kita juga memberi kadar pulangan yang baik iaitu sebanyak enam peratus, selari dengan prestasi pasaran sewaan.

Johan berkata, TH pada tahun ini akan terus memberi fokus kepada pelaburan terasnya dalam pelbagai sektor antaranya bidang kewangan Islam, perladangan, hartanah dan perhotelan. - BERNAMA



 <p>KENYATAAN TAWARAN TENDER JABATAN KETUA MENTERI MELAKA</p>	
<p>Syarikat yang berpengalaman/berkeupayaan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam kod bidang 220801 (Kawalan Keselamatan – Perlu Lesen KDN) dan pendaftaran masih sah lakunya sekurang-kurangnya tiga (3) bulan dari tempoh sebutharga adalah dipelawa untuk menyertai sebutharga seperti berikut:</p>	
No. Sebutharga	JKMM.PENT(S).200-6/3/1 JLD 11
Perkara	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Di Kompleks Seri Negeri Ayer Keroh, Pejabat Majlis Sukan Negeri, Kawasan Kompleks Dewan Badminton Dan Lapang Sasar Majlis Sukan Negeri Ayer Keroh, Aras 5 & 6 Pusat Transformasi Bandar (UTC) Dan Kompleks Bukit Peringgit, Melaka
Tarikh Pelawaan dan Beli Borang Tender	6 Februari 2018 (Selasa)
Tarikh Taklimat	15 Februari 2018 (Khamis)
Masa Taklimat	10.00 pagi
Tempat Taklimat	Bilik Mesyuarat Tun Ali, Aras 3, Blok Temenggong, Seri Negeri, 75450 Ayer Keroh, Melaka
Tarikh Tutup	7 Mac 2018 (Rabu)
<p>Dokumen tender boleh dibeli mulai 6 Februari 2018 (Selasa) pada hari Isnin hingga Jumaat (kecuali Cuti Umum), jam 8.30 pagi – 5.00 petang (waktu pejabat sahaja) di Unit Pentadbiran, Bahagian Khidmat Pengurusan, Aras 2, Blok Temenggong, Seri Negeri, Ayer Keroh, Melaka dengan bayaran RM50.00 tunai senaskah. Syarikat yang ingin menyertai tender ini perlu mengisi dokumen tender yang boleh didapati di alamat seperti di atas.</p>	
<p>Kehadiran semasa sesi taklimat adalah DIWAJIBKAN dan hanya petender yang hadir taklimat sahaja dibenarkan mengambil borang tender berkenaan. Petender atau wakil pembekal yang sah sahaja hendaklah mengemukakan Sijil Asal Pendaftaran Kementerian Kewangan dan Sijil Pendaftaran Taraf Bumiputera (jika ada) dan menyerahkan satu salinan untuk simpanan Jabatan Ketua Menteri Melaka sebelum dibenarkan mengambil dokumen tender.</p>	
<p>Petender hanya dibenarkan memasuki dan menawarkan satu harga sahaja di dalam tender.</p>	
<p>Dokumen tender hendaklah dimasukkan ke dalam dua (2) sampul surat berlarki (Tawaran Teknikal dan Tawaran Harga) dan ditulis nombor tender di sudut kiri atas sampul tersebut.</p>	
<p>Dokumen tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender atau melalui pos di alamat seperti dinyatakan di atas sebelum atau pada 7 Mac 2018 (Rabu) jam 12.00 tengahari (tarikh tutup tender). Tawaran yang diterima selepas tarikh dan masa yang ditetapkan akan ditolak.</p>	
<p>Jabatan Ketua Menteri Melaka tidak terikat untuk menerima tender dengan harga tawaran yang terendah atau mana-mana harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu Tender Jabatan Ketua Menteri Melaka adalah muktamad.</p>	

PERISYTIHARAN JUALAN LELONG

**DALAM PEJABAT DAERAH DAN TANAH MELAKA TENGAH,
DALAM NEGERI MELAKA, MALAYSIA
RUJ. PTMT: 0401AUC2017000191**

DALAM PERKARA MENGENAI SEKSYEN 263, KANUN TANAH NEGARA, 1965
DAN
DALAM PERKARA MENGENAI GADAIAN PERSERAHAN NO. 0401SC2007008987 BERTARIKH 30HB NOVEMBER 2007 KE ATAS TANAH YANG DIPEGANG DAN DIKENALI SEBAGAI HAKMILIK PM 1040, LOT 5488 DAN PM 1041, LOT 5489 DALAM MUKIM TANJONG MINYAK, DAERAH MELAKA TENGAH, NEGERI MELAKA;

ANTARA ... PEMEGANG GADAIAN
DAN ... PENGGADAI
CIMB BANK BERHAD
ONG KIM ONG @ ONG SIEW HONG (NO. K/P: 451224-04-5076)

PADA MENURUT PERINTAH PENTADBIR TANAH DAERAH MELAKA TENGAH bertarikh 31hb Oktober 2017. **ADALAH DENGAN INI DIISYTIHARKAN** bahawa hartanah tak alih yang tersebut di bawah **AKAN DIJUAL SECARA LELONGAN AWAM** oleh Pentadbir Tanah Daerah Melaka Tengah atau wakilnya yang diberi kuasa dengan dibantu oleh Pelolong Berlesen yang tersebut di bawah ini :-

TARIKH LELONG : 23HB FEBRUARI 2018 (HARI JUMAAT)
MASA : 10.00 PAGI
TEMPAT : PEJABAT DAERAH DAN TANAH MELAKA TENGAH, MELAKA.
HARGA RIZAB : RM615,000.00

BUTIR-BUTIR HARTANAH
No. Lot : Lot 5488 & Lot 5489
No. Hakmilik : PM 1040 & PM 1041
Mukim/Daerah/Negeri : Tanjong Minyak / Melaka Tengah / Melaka
Keluasan Tanah : 455 Meter Persegi / 4,898 kaki persegi (setiap lot)
Cukai Tahunan : RM300.00 (setiap lot)
Kategori Penggunaan Tanah : Perusahaan
Taraf Pegangan : Pajak 99 tahun berakhir pada 22/12/2099
Pemilik Berdaftar : Ong Kim Ong @ Ong Siew Hong (No. K/P: 451224-04-5076) 1/1 bahagian
Syarat Nyata : Untuk Kegunaan Perusahaan sahaja
Sekatan Kepentingan : Tanah ini tidak boleh dipindahmilik atau dipajak kecuali dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri. Sekatan kepentingan ini dikecualikan kepada Pembeli pertama.
Bebanan : Digadai kepada CIMB Bank Berhad mengikut Gadai Perserahan No. 0401SC2007008987; didaftarkan pada 30 November 2007.

LOKASI DAN PERIHAL HARTANAH
Hartanah ini terletak di dalam Kawasan Perindustrian Bukit Rambai Fasa 4, lebih kurang 21 km ke Barat Laut Pusat Bandar Melaka. Hartanah ini merupakan dua (2) bidang tanah perusahaan yang terdiri di atasnya sebuah bangunan kilang yang beralamat pos di NO. 7008 G & 7008 F, JALAN PBR 41, KAWASAN PERINDUSTRIAN BUKIT RAMBAI FASA 4, BUKIT RAMBAI, 75000 MELAKA.

CARA MENAWAR
Sesiapa yang berminat untuk membuat tawaran mestilah menandatangani 10% dari Harga Rizab dalam bentuk bank deraf di atas nama **CIMB Bank Berhad** dengan menyerahkan kepada Pentadbir Tanah Daerah Melaka Tengah yang berkenaan sebelum jam 9.30 pagi pada hari lelongan awam.

- Baki dari harga belian hendaklah dibayar dalam tempoh **Satu Ratus Dua Puluh Hari (120)** dari tarikh jualan kepada **CIMB Bank Berhad** dan tiada lanjutan tempoh masa dibenarkan.
- Sekiranya **harga belian tidak dibayar** sepenuhnya dalam masa yang ditetapkan, **deposit akan dilucutkan dan dilupuskan** mengikut peruntukan Seksyen 267, Kanun Tanah Negara (KTN).

Nota : "Sesiapa yang berminat untuk membeli hartanah ini adalah dinasihatkan supaya membuat semakan hakmilik secara rasmi di Pejabat Daerah Dan Tanah berkaitan dan memeriksa hartanah berkenaan sebelum tarikh lelong".

UNTUK BUTIR-BUTIR SELANJUTNYA, sila berhubung dengan :-

Nama Pelolong : SYUKRI BIN MOHAMAD	Peguaam : KOH KIM LENG & COMPANY
Nama Syarikat : SM Kreatif Enterprise	Alamat : No. 106, Bangunan Bintang 51, Jalan Bendahara, 75100 Melaka.
Alamat : No. 81-1, Jalan Melaka Raya 25, Taman Melaka Raya, 75000 Melaka.	No Telefon : 06-283 2323
No Telefon : 016-774 2061, 06-284 6268,	No Faxes : 06-283 2344
No Faxes : 06-292 6268	No Ruj : LMS/GKF/34065/2015
No Rujukan : SMK/PTMT01/02/2018	
Email : syukri.mohamad7698@yahoo.com.my	

Sukan

www.facebook.com/melakaharini

KEDUDUKAN UNIFI LIGA SUPER MALAYSIA 2018

POS	CLUB	P	M	A	T	A	SO	PTE
1	SELANGOR FA	2	2	0	0	0	1	0
2	JOHOR DARUL TA'AZIM	2	2	0	0	0	1	0
3	PERAK FC	2	1	1	0	0	1	0
4	PKNS FC	2	1	1	0	0	2	1
5	NEGERI SEMBILAN FA	2	1	0	1	2	1	0
6	MELAKA UNITED	2	1	0	1	0	0	2
7	PAMP FC	2	1	0	1	1	0	2
8	TERENGGANU FC	2	0	2	0	0	0	2
9	KELANTAN FA	2	0	1	1	2	0	1
10	PAHANG FC	2	0	1	1	0	1	1
11	KEKOH FA	2	0	0	2	2	1	0
12	KUALA LUMPUR	2	0	0	2	0	4	0



PINTU gawang pasukan Melaka United sering diuji oleh jentera serangan pasukan Selangor.



ANTARA aksi pemain Selangor dan Melaka United.

Selangor rampas pendahulu Liga Super

Foto : FACEBOOK Melaka United Soccer Association - MUSA

SELANGOR merampas kedudukan takhta Liga Super selepas mencatat kemenangan bergaya 4-1 ke atas Melaka pada perlawanan yang berlangsung di Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur, Cheras, malam ini.

Selangor mengumpul maksimum enam mata daripada dua perlawanan, namun berkelebihan ja-

ringan yang melonjak mereka untuk mengahuni tempat teratas liga, mengatasi pasukan Johor Darul Ta'azim (JDT) di tangga kedua.

Pada aksi malam ini, penyerang dari Sepanyol Rufino Segovia menyumbat dua gol, masing-masing pada minit kelapan dan ke-67 manakala Muhammad Syahmi Safari turut meledak dua gol, minit ke-54 dan ke-90 untuk membantu skuad Gergasi Merah mengekalkan rekod tanpa kalah.

Gol tunggal Melaka dijaringkan pemain import dari Portugal, Tiago Gomes pada minit ke-30.

Di Stadium Tuanku Abdul Rahman, Paroi, pasukan tuan rumah Negeri Sembilan meraih kemenangan sulung apabila menundukkan Kuala Lumpur 2-0 untuk mengutip tiga mata berharga.

Jaringan skuad Hobin Jang Hobin disemburkan penyerang dari Argentina, Nicolas Leandro Velez yang meledak dua

gol pada minit ke-11 dan ke-31.

Sementara itu, nasib juara Piala FA 2017, Kedah terus dirundung malang apabila dikecewakan Perak 1-3 pada aksi yang berlangsung di Stadium Darul Aman malam ini.

Penyerang Perak, Gilmar Jose Da Silva Filho menceriaikan skuad 'The Bos Gaurus' apabila membuka tirai jaringan pada minit ke-21, sementara Mohd Nazrin Nawi, turut mencetak nama sebagai

penjaring pada minit ke-86.

Kedah pula memperolehi gol menerusi Sandro Da Silva yang tenang menyempurnakan sepakan penalti pada minit ke-78 setelah Muhammad Akhyar Rashid dijatuhkan dalam kotak penalti.

Hasrat skuad Lang Merah untuk bangkit menyamakan kedudukan terus dinafikan pertahanan Perak, sebaliknya Nazirul Naim Che Hashim berjaya menjaringkan gol ketiga pasukan pelawat pada ma-

sa kecederaan babak kedua untuk Perak cemerlang mengutip tiga mata penuh.

Pada aksi di Stadium Shah Alam, pasukan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) FC berjaya memanfaatkan kelebihan beraksi di laman sendiri apabila mencatat kemenangan tipis 1-0 ke atas Pahang.

Gol tunggal perlawanan dijaringkan penyerang kebangsaan, Mohd Safee Mohd Sali pada minit ke-90. - BERNAMA

UMNO Paya Redan anjur Pertandingan Boling

UMNO Cawangan Paya Redan telah sepakat melaksanakan Pertandingan Boling UMNO Cawangan Paya Redan di Pusat Boling Antarabangsa Melaka (MIBC), Ayer Keroh, kelmarin.

Program julung kali pering-

kat komuniti UMNO di bawah kepimpinan pengerusi dan ahli jawatankuasa itu bagi mengeratkan hubungan silaturahim di antara ahli.

Program itu telah dirasmikan Ketua UMNO Bahagian

Bukit Katil, Tan Sri Mohd Ali Rustam.

Mohd Ali bangga kerana UMNO Cawangan Paya Redan dapat melaksanakan aktiviti sebegini dan beliau juga memaklumkan pelbagai aktiviti boleh

dilaksanakan di peringkat komuniti selain bermain boling.

Menurutnya, beliau merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada penganjur dan penduduk kerana tidak putus-putus menyokong

aktiviti yang dilaksanakan UMNO Cawangan Paya Redan ini.

Program ini berjaya menarik seramai 70 peserta untuk menyertai pertandingan ini dan peserta.



MOHD Ali menyampaikan hadiah kepada pemenang.



UMNO Cawangan Paya Redan bergambar bersama Mohd Ali pada Pertandingan Boling UMNO cawangan tersebut di MIBC.